

BAB KETUJUH

RUMUSAN DAN CADANGAN

7.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis akan membuat rumusan hasil daripada kajian yang dijalankan di dalam kajian kontrastif ini. Setelah kajian dilakukan terhadap struktur binaan ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu secara terperinci, maka terbukti di sana wujud persamaan dan perbezaan di antara kedua-duanya dari segi struktur binaan ayatnya sebagaimana yang telah dijelaskan.

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, maka dapatlah dibahagikan kepada dua aspek yang penting, iaitu rumusan dari aspek persamaan yang wujud dan aspek perbezaan. Perkara tersebut adalah seperti berikut ::

7.1 Persamaan Asas Struktur Ayat Bahasa Arab Dan Melayu

7.1.1 Aspek Kriteria Dan Ciri

Di dalam aspek ini, terdapat persamaan antara Bahasa Arab dan juga Bahasa Melayu. Persamaan tersebut adalah seperti berikut :

KRITERIA DAN CIRI	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
1- Definisi Subjek dan Predikat	Objek dikenali sebagai mubtada (المُبْتَدَأُ) dan cerita pula dikenali sebagai khabar (الخَبَرُ)	Objek dikenali subjek, manakala cerita dikenali sebagai predikat

Berdasarkan jadual di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa terdapat persamaan di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dari aspek kriteria, iaitu antara kedua-duanya mempunyai persamaan dari tugas dan fungsi kedudukan setiap subjek dan predikat atau dikenali juga dengan al-Mubtada' (musnad ilaih) dan al-Khabar (musnad), sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

7.1.2 Aspek Binaan Subjek

Terdapat persamaan antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari aspek binaan subjek, iaitu ;

BINAAN SUBJEK	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
1-Kata Nama Khas	Ia dikenali sebagai ism ma'rifat (اسْمُ الْمَعْرِفَةِ)	Terdiri daripada kata nama khas
2-Kata Nama Terbitan	dikenali sebagai ism al-	Terdapat imbuhan pada perkataannya, seperti pe...an,

	musytaqqa: <u>t</u> (اسْمُ الْمَشْتَقَاتِ)	per..an,...an dan sebagainya
3-Kata Ganti Pertama, Kedua, Ketiga	Dikenali sebagai al-dhami:r (الضَّمِيرُ)	Pengguna saya, dia, kamu dan seumpamanya di dalam ayat
4- Kata Tunjuk	Dikenali sebagai ism al-sya:ra <u>t</u> (اسْمُ الْإِشَارَةِ)	Kata tunjuk yang menunjukkan arah sesuatu
5- Kata Nama Am	Dikenali dengan ism al-nakirat (اسْمُ النَّكِرَةِ) dengan disandarkan (الإِضَافَةُ) atau digabungkan dengan adjektif (الصِّفَةُ).	Kata nama am tidak memerlukan penggabungan
6- Kata Kerja	Dikenali sebagai ism al-masdar al-muawwal (الْمَصْدَرُ الْمُؤَوَّلُ)	Kata nama berbentuk kata kerja
7- Kata Adjektif	Dikenali sebagai al-sifa <u>t</u> (الصِّفَةُ) dan berada di bawah kata nama	Ia menunjukkan sifat sesuatu benda

Manakala rumusan yang dapat dibuat dari jadual di atas adalah binaan subjek antara kedua-dua bahasa tersebut adalah sama. Ianya terdiri daripada Kata Nama Khas, Kata Nama Terbitan, Kata Ganti Pertama, Kedua, Ketiga dan juga Kata Tunjuk.

Namun terdapat ciri yang sama dengan bersyarat seperti Kata Nama Am, Kata Kerja (masdar muawwal) dan Kata Adjektif. Segala contoh dan huraian telah dijelaskan di dalam bab yang lalu.

7.1.3 Aspek Binaan Predikat

Berikut adalah persamaan yang wujud antara Bahasa Arab dan juga Bahasa Melayu dari aspek binaan predikatnya :

BINAAN PREDIKAT	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
1- Frasa Nama		
- Kata Nama Am	Dikenali dengan ism al-nakirat (اسْمُ التَّكْرِيرَةِ)	Kata nama yang menunjukkan sesuatu yang umum
- Kata Nama Khas	Dikenali sebagai ism al-ma'rifat (اسْمُ الْمَعْرِفَةِ)	Menunjukkan sesuatu yang khusus
- Kata Nama Terbitan	Dikenali sebagai ism al-musytaqqa:t (الْمُسْتَقَاتُ)	Kata nama yang berimbuhkan pe..., pe...an,..an dan seumpamanya
- Kata Nama Pelaku	Dikenali sebagai ism al-fa:'il	Kata nama yang menunjukkan

	(اسْمُ الْفَاعِلِ)	orang yang melakukan perbuatan
- Kata Nama Objek	Dikenali sebagai ism al-maf'u:l (اسْمُ الْمَفْعُولِ)	Objek yang kena buat
- Kata Nama Alat	Dikenali sebagai ism al-a:lat (اسْمُ الْإِشَارَةِ)	Kata nama yang berfungsi sebagai alat
- Kata Nama Tempat	Dikenali sebagai ism al-maka:n (اسْمُ الْمَكَانِ)	Kata nama menunjukkan sesuatu tempat
- Ism al-Tafdhīl	Dikenali sebagai ism al-tafdhi:l (اسْمُ التَّفْضِيلِ)	Kata nama yang menunjukkan suatu perbandingan
2- Frasa Kerja		
- Kata Kerja Dasar	Iaitu al-fi'il (الْفِعْلُ) – yang tiada huruf tambahan/imbuan	Kata kerja yang tidak berimbuan
- Kata Kerja Imbuan	Iaitu al-fi'il al-mazi:d (الْفِعْلُ الْمَزِيدُ) (- terdapat huruf tambahan (سَأَلْتُمُونِيهَا) pada kata kerja asalnya	Kata kerja berimbuan

- Kata Kerja Tak Transitif	Iaitu al-fi' il al-La:zim (الفِعْلُ اللَّازِمُ)) yang tidak memerlukan objek	Kata kerja tidak memerlukan objek
3- Frasa Sendi	ia dikenali sebagai syibhu al-jumlat (شِبْهُ الْجُمْلَةِ)	Penggunaan kata sendi seperti di, ke, atas dan seumpamanya

Berdasarkan jadual di atas, terdapat persamaan di antara bahasa Arab dan juga bahasa Melayu dari aspek binaan predikatnya. Maka predikat bagi kedua-dua bahasa tersebut adalah terdiri daripada Frasa Nama (Am, Khas, Terbitan, Pelaku, Penderita, Alat, Tempat dan Bandingan).

Manakala dari aspek frasa Kata Kerja pula, persamaan yang wujud adalah Kata Kerja Dasar/Asal, Kata Kerja Imbuhan dan Kata Kerja Tak Transitif. Segala huraian dan contoh telah pun diterangkan. Manakala dari aspek frasa sendi pula, di dalam bahasa Arab ia dikenali sebagai syibhu al-jumlat (شِبْهُ الْجُمْلَةِ).

7.1.4 Aspek Hukum

Aspek hukum antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu juga terdapat persamaannya. Antaranya ialah :

HUKUM	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
Predikat berbilang	Terdiri daripada khabar jenis al-mufrad, al-jumlat, syibhu al-jumlat atau bercampur-campur	Terdiri daripada predikat yang berbilang

Berdasarkan jadual di atas, hanya dari aspek predikat berbilang sahaja yang mempunyai persamaan antara kedua-dua bahasa. Manakala dari segi aspek hukum yang lain terdapat perbezaan yang akan dirumuskan di dalam aspek perbezaan.

Maka dari aspek-aspek yang disebutkan di atas merupakan aspek kesamaan yang wujud di dalam struktur binaan ayat antara bahasa Arab dan juga bahasa Melayu. Oleh itu, dapatlah kita menilai persamaan yang wujud tersebut untuk membina modul-modul yang sesuai agar dapat mempertingkatkan tahap penguasaan pelajar dan jua persiapan guru di dalam menyediakan set pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

7.2 Perbezaan Asas Struktur Ayat Bahasa Arab Dan Melayu

7.2.1 Aspek Kriteria Dan Ciri

KRITERIA DAN CIRI	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
1-Bilangan Golongan Kata	3 golongan – iaitu Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Sendi, manakala Kata Adjektif atau sifat tergolong dalam Kata Nama.	4 golongan- iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Sendi dan Kata Adjektif.
2-Bilangan Jenis Ayat	2 jenis ayat - Ayat Namaan (<i>الْجُمْلَةُ</i> <i>الاسْمِيَّةُ</i>) dan Ayat Kerjaan (<i>الْجُمْلَةُ</i> <i>الْفِعْلِيَّةُ</i>)	1 jenis ayat - Ayat Namaan sahaja

Terdapat perbezaan yang nyata dari kriteria Penggolongan Kata antara kedua-dua bahasa tersebut. Penggolongan Kata di dalam bahasa Arab, terdapat 3 penggolongan yang wujud iaitu Kata Nama (الاسْمُ), Kata Kerja (الفِعْلُ) dan juga Kata Sendi/Partikel (الحَرْفُ).

Manakala Kata Adjektif (الصِّفَةُ/التَّعْتُ) termasuk di dalam golongan Kata Nama. Ini berbeza dengan penggolongan kata di dalam bahasa Melayu. Terdapat 4 penggolongan iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas.

Penjenisan bentuk ayat juga berbeza, iaitu bahasa Arab terkandung di dalamnya 2 jenis ayat, iaitu al-Jumlat al-Ismiyyat (الْجُمْلَةُ الْاِسْمِيَّةُ)/Ayat Namaan dan juga al-Jumlat al-Fi'liyyat (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ)/Ayat Kerjaan. Di dalam bahasa Melayu pula hanya terdiri dari Ayat Namaan sahaja.

7.2.2 Aspek Binaan Subjek

Di dalam aspek binaan subjek pula, terdapat perbezaan antara kedua-duanya, iaitu :

BINAAN SUBJEK	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
1- Mawsul	Berfungsi sebagai subjek atau mubtada' yang terletak di bawah Kata Nama	Tidak berfungsi sebagai subjek tetapi sebagai Kata Tugas
2- Kata Tanya	Ia juga berfungsi sebagai subjek atau mubtada' yang terletak di bawah Kata Nama	Tidak berfungsi sebagai subjek dan ia kata hubung di bawah Kata Tugas

Kedua-dua unsur di atas boleh dijadikan subjek atau mubtada'. Kata Tanya atau al-Istifha:m dan al-mawsu:l masih tergolong di dalam Kata Nama di dalam bahasa Arab. Kedua-dua unsur di atas tidak terdapat di dalam bahasa Melayu sebagai subjek. Ini adalah kerana kedua-dua unsur tersebut terletak di bawah fungsi Kata Tugas.

7.2.3 Aspek Binaan Predikat

Manakala dari aspek binaan predikat pula, terdapat perbezaan antara Bahasa Arab dan juga Bahasa Melayu, iaitu :

BINAAN PREDIKAT	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
1-Ayat Kata Nama/Namaan	Terdapat al-dhami:r (الضَّمِيرُ) di dalam ayat Kata Namaan sebagai penghubung dengan subjek	Tiada kata ganti nama dan hanya terdapat Kata Kerja sahaja
2- Frasa Kerja -Kata Kerja Transitif	Objek dikenali sebagai al-maf'u:l bihi (الْمَفْعُولُ بِهِ) dan boleh terdiri daripada 3 objek	Hanya terdapat 2 objek sahaja
3- Frasa Adjektif	Dikenali sebagai al-khabar al-mufrad (الْخَبَرُ الْمَفْرَدُ)	Terdiri daripada satu perkataan atau lebih, yang mengandungi kata adjektif sebagai kata intinya

Berdasarkan jadual di atas, antara syarat dalam binaan ayat namaan sebagai predikat ini adalah adanya penghubung di antara subjek yang di awal ayat dengan predikat selepasnya dengan adanya dhamir atau kata ganti nama. Antara syaratnya adalah dhamir itu hendaklah serasi dari segi gender (maskulin dan feminin) dan bilangan (mufrad, muthanna dan jama’) dengan subjek yang di awal ayat.

Kata Kerja transitif di dalam bahasa Arab terdapat objek ayat sebagai penyambut selepas pelakunya, yang mana ia boleh menerima sebanyak 3 objek di dalam satu-satu ayat. Berlainan pula kehadiran objek di dalam bahasa Melayu, hanya dapat menerima 2 objek atau penyambut.

Manakala frasa adjektif bahasa Arab berlaku di dalam bentuk predikat jenis mufrad (الخبير المفرد) sahaja sebagai pelengkap dan di dalam bahasa Melayu pula, frasa adjektif adalah susunan perkataan yang terdiri daripada satu perkataan atau beberapa yang mengandungi kata adjektif atau kata sifat sebagai kata intinya.

7.2.4 Aspek Hukum

Di dalam aspek hukum pula, terdapat juga perbezaan yang dapat dilihat iaitu:

HUKUM	BAHASA ARAB	BAHASA MELAYU
1-Nominatif (الرفع)	-terdapat tanda kasusnya jelas	- tiada tanda kasus
2-Susunan Biasa	-ada : harus dan wajib pendepanan subjek	-tiada : tiada hukum

3-Susunan Songsang	-ada : harus dan wajib pendepanan predikat	-ada : tiada hukum
4-Keserasian	-ada : aspek gender dan bilangan	-tiada : tidak terikat
5-Pengguguran Subjek	-ada : harus dan wajib gugur subjek	-ada : tiada hukum
6-Pengguguran Predikat	-ada : harus dan wajib gugur predikat	-ada : tiada hukum
7-Subjek Kata Nama Am	-ada : tetapi bersyarat	-ada : tiada syarat

Berpandukan jadual di atas, struktur binaan ayat bahasa Arab adalah berbeza dengan bahasa Melayu, iaitu terikat dengan tanda kasus tertentu. Hanya di dalam bahasa Arab sahaja yang menitikberatkannya dan mempunyai hukum di dalam sesuatu perkataan untuk ditandai kasus. Ia tidak terdapat di dalam bahasa Melayu.

Manakala subjek atau mubtada di dalam bahasa Arab harus didahulukan daripada khabarnya atau predikatnya berdasarkan syarat-syarat tertentu bagi mengharus dan mewajibkan kedudukannya. Di dalam bahasa Melayu pula terdapat susunan biasa bagi ayat tunggal, kedudukan konstituen subjeknya adalah di hadapan konstituen predikat namun tidak ada syarat-syarat tertentu.

Pendepanan khabar ini dinamakan “khabar muqaddam” (خَبَرٌ مُّقَدَّمٌ) dan mubtada’nya dikenali sebagai “mibtada muakhkhar” (مُبْتَدَأٌ مُّؤَخَّرٌ). Pendepanan ini juga adalah bersyarat, berbanding dengan bahasa Melayu yang mana kedudukan susunan songsang juga berlaku dan ia dinamakan dengan “ayat pasif” iaitu kata kerjanya ada imbuhan “di-“.

Seterusnya aspek keserasian yang ditekankan adalah dari aspek gender dan juga aspek bilangan. Aspek gender di dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua golongan iaitu maskulin (المذكر) dan feminin (المؤنث), manakala dari aspek bilangan pula terbahagi kepada tiga iaitu al-mufrad (المفرد), al-dual (المثنى) dan al-jama' (الجمع). Perubahan pada kedua-dua aspek ini akan menyebabkan berlaku perubahan pada predikat atau pelakunya. Perubahan di atas tidak berlaku di dalam struktur binaan bahasa Melayu sebagaimana di dalam contoh yang disebutkan sebelum ini.

Selain itu, muftada' di dalam bahasa Arab boleh dibuang dan digugurkan dalam keadaan harus dan juga wajib. Terdapat beberapa unsur yang mempengaruhi pengguguran muftada' ini. Manakala di dalam bahasa Melayu, pengguguran subjek juga berlaku dan tiada hukum yang menyatakan ianya harus ataupun wajib.

Begitu juga tentang khabar, di dalam bahasa Arab ia boleh digugurkan dalam keadaan harus dan juga wajib dengan beberapa unsur yang mempengaruhi penggugurannya. Manakala di dalam bahasa Melayu, pengguguran juga berlaku tetapi tiada hukum yang ianya harus ataupun wajib.

7.3 Kesimpulan

Maka dengan ini jelaslah kepada kita semua dari hasil rumusan di atas, bahawa persamaan dan juga perbezaan memang berlaku di antara kedua-dua bahasa. Bertolak dari rumusan inilah perlu diambil tindakan susulan dari pelbagai pihak untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa sasaran yang dapat dipelajari dengan mudah seterusnya dapat menguasainya dengan baik di kalangan guru dan juga pelajar.

Begitu juga tidak dinafikan bahawa perbezaan yang terdapat di dalam pembinaan struktur ayatnya yang perlu diraikan dan dititikberatkan. Sebarang perbezaan ini merupakan keistimewaan yang terdapat di dalam setiap bahasa di dunia ini yang perlu difahami dan dipelajari. Maka hasilnya, umat manusia dapat mempelajari pelbagai bahasa yang berbagai di samping menggunakannya di dalam hubungan sejagat.

7.4 Cadangan Dan Saranan

Hasil dari kajian kontrastif ini, penulis mendapati beberapa perkara yang perlu diambil berat oleh pihak-pihak tertentu bagi memastikan hasil perbandingan ini dapat mendatangkan manfaat dan faedah bersama. Antara cadangan dan saranan yang difikirkan perlu adalah seperti berikut :

7.4.1 Cadangan Kepada Guru Dan Pelajar

- i- Guru perlu mengaplikasikan segala kemudahan yang ada untuk menerapkan kefahaman yang jelas tentang subjek Bahasa Arab. Penggunaan perisian seperti program Mind Manager, Microsoft Word, Power Point Plex dan seumpamanya perlulah diadaptasikan sepenuhnya agar dapat memberi kesan untuk menarik minat pelajar mempelajari dan menguasai Bahasa Arab.
- ii- Guru perlulah membuat perbandingan antara tatabahasa bahasa Arab dan Bahasa Melayu agar pelajar lebih dapat memahami konsep yang ada dan dapat menilai persamaan yang perbezaan yang wujud.

- iii- Mempertingkatkan lagi kemahiran dan penguasaan bahasa yang dimiliki oleh guru. Ia dapat dihasilkan melalui pembacaan ilmiah berkaitan perkembangan bahasa semasa. Ia sebagai nadi penggerak dan pelaksana dalam penggunaan bahasa Arab dengan sempurna. Oleh itu guru hendaklah berusaha ke arah meningkatkan mutu ilmu yang dimiliki.

- iv- Guru perlu menjelaskan dengan maklumat yang diperolehi hasil dari kajian dan pembacaan bagi mengelak kesilapan penggunaan kedua-dua struktur bahasa ini yang timbul akibat daripada gangguan bahasa ibunda.

- v- Pelajar hendaklah merujuk dan membuat kajian berterusan tentang perbandingan antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu bagi memudahkan mereka memahami dan menguasai bahasa kedua mereka. Ini adalah kerana terdapat persamaan antara kedua-duanya di samping ada perbezaan yang wujud.

7.4.2 Cadangan Kepada Pentadbir, Jabatan Pelajaran Selangor (JPN) Dan KPM

- i- Mengadakan kursus-kursus peningkatan kualiti dalam kepelbagaian teknik mengajar bahasa Arab berbentuk berkala di kalangan guru-guru sepanjang tahun. Pendedahan teknik terbaru perlu didedahkan dengan kadar segera agar tidak ketinggalan berbanding matapelajaran lain.

- ii- Melatih dan membimbing jurulatih-jurulatih yang berkecuali dengan pendedahan yang lebih mendalam agar mereka dapat menerapkan kepada guru-guru bahasa Arab yang lain dengan baik dan berkesan.

- iii- Membina pelbagai modul yang mudah, padat dan ringkas serta memudahkan untuk digunakan oleh guru-guru di sekolah masing-masing. Ini dapat membantu di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, bahkan menarik minat pelajar mempelajarinya. Pembinaan modul berskala dapat membantu golongan pelajar yang “GALUS” (gagal-lulus) atau “HALUS” (harus lulus) untuk lulus di dalam peperiksaan.
- iv- Pemantauan yang berterusan dari pihak atasan mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab di kalangan guru dan juga para pelajar.
- v- Bekerjasama dengan Unit Bimbingan dan Kaunseling memberikan pendedahan dan motivasi berkaitan peluang pekerjaan yang memerlukan pekerja “multi-language” setelah tamat sekolah atau pengajian.
- vi- Pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sebenarnya mempunyai peranan yang besar seperti penganjuran program-program yang berterusan mampu menjana sikap pelajar kepada arah positif tentang bahasa Arab. Pengelolaan Kelas Intensif, penubuhan Kelab Penyokong dan program motivasi sendiri diri dapat membantu pelajar untuk lebih bersikap maju diri di dalam semua matapelajaran, lebih-lebih lagi bahasa Arab.

7.4 Kesimpulan

Sebenarnya banyak lagi cadangan yang difikirkan perlu dinyatakan di sini. Penulis merasakan bahawa cadangan yang seumpamanya juga telah dinyatakan di dalam kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.. Cuma yang penting di sini sejauhmanakah kita dapat melaksanakan semua atau sebahagian daripada cadangan tersebut,

sama ada dari pihak pelajar, guru, pentadbir, JPS mahupun KPM yang mewakili kerajaan Malaysia.

Oleh itu, apa yang penting bagi penulis adalah kerjasama yang telus dan padu di antara pihak yang terbabit menggembeling tenaga, mengerah keringat, memadu tekad untuk melahirkan anak didik yang celik bahasa Arab seterusnya celik al-Quran yang kian meruncing di kalangan remaja kala ini. Janganlah pihak atasan inginkan keputusan yang terbaik, namun tidak pernah bertanyakan dan melihat apakah keperluan yang dikehendaki oleh warga pendidik untuk mencapai target tersebut. Marilah kita mengorak bersama memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran, bahasa umat Islam sejagat.